

Konsep kewarganegaraan berasaskan kontrak sosial

Oleh ROSNI HASSAN

UM - 4/12/2006

ALOR GAJAH 3 Dis. - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, konsep kewarganegaraan Malaysia yang ada sekarang adalah berasaskan kepada permuafakatan kaum yang juga dikenali sebagai kontrak sosial.

Menurut beliau, konsep itu telah diterjemahkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan yang memperincikan hak dan kedudukan orang Melayu serta hak dan kedudukan bukan Melayu.

Katanya, konsep kewarganegaraan Malaysia telah wujud sejak negara mencapai kemerdekaan.

"Semuanya sudah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan kita tidak ada hasrat untuk merungkai apa yang telah diputuskan sebagai Perlembagaan negara kita," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Kejohanan Golf UMNO Malaysia 2006 Piala Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di A'Famosa Resort di sini hari ini.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman yang menyatakan bahawa konsep yang mirip Malayan Union dan Malaysian Malaysia dengan menggunakan apa nama sekalipun tidak boleh diterima kerana ia bertentangan dengan idea kenegaraan yang diwarisi dalam perjuangan UMNO dan orang Melayu.

Abdul Ghani membuat gesaan itu kerana beliau berpendapat atas nama globalisasi terdapat kecenderungan setengah pihak untuk menuntut supaya semua orang menerima apa sahaja prinsip sejagat sehingga menafikan idea kenegaraan warisan.

Najib berkata, konsep Malayan Union telah ditolak dan segala isu berkaitan hak serta kedudukan orang Melayu dan bukan Melayu sudah termaktub dalam Perlembagaan negara.

Dalam perkembangan lain, menurut Timbalan Perdana Menteri, warga asing yang memasuki negara ini mesti mematuhi undang-undang Malaysia.

Beliau berkata, tindakan akan diambil terhadap rakyat asing yang me-

langgar undang-undang apatah lagi mereka yang membelasah pihak berkuasa.

Kata beliau, warga Thailand yang memasuki negara ini juga mesti menghormati undang-undang negara dan kalau mereka melakukan perkara yang menyalahi undang-undang tindakan akan diambil.

"Sama juga jika rakyat Malaysia masuk ke negara lain seperti Thailand, mereka kena menghormati undang-undang negara tersebut dan tidak melakukan kesalahan," katanya.

Seorang anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) Kedah cedera parah semalam akibat dipukul sekumpulan lelaki dipercayai penyeludup diesel di Kompleks Imigresen Bukit Kayu Hitam, Jitra, Kedah.

Dalam kejadian pada pukul 10.45 pagi itu, mangsa, Aswadi Abdullah, 27, cedera parah di kepala, badan dan kaki akibat dipukul bertalu-talu dengan kayu dan besi oleh kira-kira 20 lelaki dipercayai warga Thailand.